

19/06/2002

300 peniaga meriahkan perhimpunan

Fadzlena Jafar

SEMPENA Perhimpunan Agung Umno yang sedang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula semalam hingga 22 Jun ini, pelbagai acara sampingan turut diadakan bagi memeriahkan majlis. Antara yang paling menarik minat pengunjung pastinya bazar di ruang legar PWTC.

Bagi mereka yang pernah menghadiri Perhimpunan Agung Umno setiap tahun, sama ada sebagai perwakilan, pemerhati mahupun sekadar pengunjung, tentunya pernah mengunjungi bazar yang menjual aneka barangan.

Menarik mengenai bazar itu, harga barangan yang dijual agak rendah dan berpatutan. Malah, anda tidak perlu berjalan jauh membeli-belah kerana pelbagai barangan dijual sebumbung.

Baik daripada kain baju hinggalah kepada hiasan rumah seperti bunga, perabot dan juga barangan kristal. Jika anda mencari kain songket, kain samping ataupun kain untuk dibuat baju raya, inilah peluang terbaik bagi anda meninjau kain yang diidamkan.

Turut dijual barangan penjagaan kecantikan dan kesihatan, kosmetik serta aksesori seperti kerongsang, barang kemas, rantai mutiara, tas tangan dan pelbagai jenis selendang.

Bagi mereka yang ingin membeli makanan ringan buatan tempatan seperti kerepek pisang dan ubi, ataupun makanan berkhasiat kunjungi saja pelbagai gerai yang disediakan di luar pintu masuk PWTC.

Seperti tahun sebelumnya, terdapat juga gerai yang menjual cenderamata seperti Gerai Umno yang menjual kemeja-T, pen dan beg persidangan. Beberapa gerai turut menjual cenderamata khas perhimpunan seperti bingkai gambar Perdana Menteri dan Timbalannya serta pelbagai cenderamata yang boleh dijadikan kenangan.

Sebenarnya, selain menarik pengunjung bazar itu dianjurkan bagi memberi landasan kepada usahawan kecil untuk memasarkan produk masing-masing ke peringkat yang lebih besar.

Pengerusi Badan Kebajikan Kakitangan Umno (BKIP), Ishak Abdul Rahman, berkata jualan memberangsangkan yang diperoleh peniaga tahun lalu menyebabkan permohonan untuk menyewa tapak gerai di bazar itu meningkat pada tahun ini.

"Tahun ini saja kami menerima lebih 600 permohonan dari seluruh negara bagi menyewa tapak gerai. Namun, memandangkan kawasan yang terhad kami hanya dapat memilih lebih 300 peniaga untuk beroperasi tahun ini.

"Bagi memberi keseimbangan kami turut mengambil kira jenis barangan yang dijual sebelum memilih permohonan yang berjaya. Secara keseluruhannya pemilihan dilakukan melalui undian supaya semua pihak berpuas hati, selain peruntukan satu gerai bagi satu bahagian perwakilan," katanya ketika ditemui di bazar jualan, semalam.

Selain keuntungan berlipat ganda, sewa gerai yang murah iaitu sekadar RM600 untuk lima hari bagi bahagian dalam PWTC dan RM500 bagi bahagian luar PWTC turut menjadi tarikan peniaga untuk membuka perniagaan sepanjang Perhimpunan Agung Umno.

Selain bazar jualan itu, orang ramai juga boleh mengunjungi Gerai Produk Wanita anjuran Wanita Umno dan juga Ekspo Pemuda Umno di Tingkat Dua, PWTC.

Walaupun tidak banyak majlis yang dijalankan semalam kerana perasmian hanya dilakukan pada sebelah malam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempat merasmikan Ekspo Pemuda Umno sebelum merasmikan buku biografi Pengerusi Tetap Umno, Tun Sulaiman Ninam Shah, pada sebelah

pagi.

Antara produk yang dijual di Ekspo Pemuda Umno ialah barangan komputer, barangan makanan keluaran tempatan dan juga aksesori wanita. Turut memeriahkan ekspo berkenaan ialah pengeluar jenama barang kemas terkenal, Habib Jewels dan Edaran Otomobil Nasional Berhad (Eon).

Tahun ini dijangka lebih 50,000 pelawat mengunjungi PWTC sama ada untuk mengikuti persidangan mahupun mengunjungi bazar dan juga ekspo yang dijalankan. Bazar jualan itu dibuka lima hari bermula semalam dari jam 8 pagi hingga 10 malam bagi membolehkan warga kota mengunjungi aneka gerai yang disediakan.

(END)